

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2025**

**TARIKH : 7 JANUARI 2025
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN MBS, SEREMBAN**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Bersih • Muafakat • Sejahtera.

Terima kasih Pengacara Majlis.

YB Dato' Mohd Zafir Ibrahim

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

**Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri dan
Persekutuan**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.**

1. Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul pada pagi barakah ini, bersempena dengan Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2025. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua peringkat kakitangan pentadbiran kerajaan negeri sembilan yang hadir pada pagi ini. Saya juga dimaklumkan semua penjawat awam negeri dan persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan sama-sama mengikuti ucapan saya melalui saluran Facebook live Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan pasukan yang bertungkus-lumus menjayakan perhimpunan pada pagi ini

sebagai medan permulaan kita menentukan halatuju perkhidmatan kerajaan Negeri bagi tahun 2025.

Sidang hadirin sekalian,

2. Menekuni amanat YAB Perdana Menteri baru-baru ini dalam perhimpunan bersama warga JPM. YAB Perdana menteri menyebut: “**...pendekatan kerangka MADANI ini cukup luas.Ia menyentuh kepada permasalahan keadilan sejagat. Dan kalau ini dapat dilakukan dengan bertahap, kita akan lihat perubahan yang lebih berkesan yang memberi faedah dan manfaat kepada rakyat teramai”.**

3. YAB Perdana Menteri juga memberikan gambaran bahawa negara-negara luar mula melihat perubahan yang berlaku di Malaysia dan mahu mencontohi Malaysia. Setelah 2 tahun YAB Perdana Menteri menyentuh perihal tatakelola, kita semua dapat lihat tiada satu pun skandal besar yang melibatkan kerajaan Madani.

4. Melalui nilai MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, bagi konteks penjawat awam Negeri Sembilan, saya ingin ketengahkan nilai Qawam yang akan menjadi teras pentadbiran bermula tahun 2025 ini.

Apa itu nilai Qawam? Istilah Qawam adalah dari kalimah qama yang bermaksud melaksana atau menanggung sepetimana yang dinyatakan daripada firman Allah SWT dalam Surah al-Furqan ayat 67,

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ
بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian.

Sikap ini sebagai isyarat sifat kesederhanaan. Bukan sekadar kesederhanaan, tetapi juga melambangkan sifat keadilan, kesaksamaan, keseimbangan dan tidak melampaui batas. Nilai Qawam akan memastikan setiap tindakan kita berlandaskan etika.

6. Selari dengan dasar Bersih, Muafakat, Sejahtera, pembudayaan nilai Qawam akan menterjemahkan prinsip tersebut dengan lebih berkesan dan ia adalah manifestasi dari ajaran Baginda Rasulullah SAW yang sentiasa menyeru kepada penerapan nilai keadilan, kesucian hati, perpaduan dalam tindakan dan kesejahteraan untuk semua. Gagasan nilai Qawam ini adalah merentas agama dan bangsa. Seperti mana yang telah dilaksanakan oleh pentadbiran tertinggi kerajaan dalam merangka pelbagai keputusan dan tindakan sejak 2018 sehingga hari ini semestinya terkait dengan nilai Qawam.

7. Justeru, pada hari ini kita juga akan menyaksikan majlis pelancaran buku Al-Qawam Hadis 40 Imam Nawawi untuk Penjawat Awam Negeri Sembilan sebagai sumber inspirasi dan rujukan dalam melahirkan generasi penjawat awam yang cemerlang. Besarlah harapan saya agar dengan memahami dan menghayati hadis-hadis yang dibahas, Negeri Sembilan akan terus melangkah jauh, bukan sahaja dari sudut pembangunan fizikal tetapi juga pembangunan insan yang menyeluruh dan harmoni.

Hadirin Sekalian,

8. Kita semua dapat merasai perubahan pentadbiran yang telah dilakukan sehingga kerajaan negeri ini telah mencapai lebihan pendapatan untuk 3 tahun berturut-turut. Suka saya umumkan, sehingga 31 Disember 2024, hasil negeri yang berjaya dikutip berjumlah RM636 juta bersamaan 122.31 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu RM520 juta. Ini adalah satu pencapaian yang sangat membanggakan dan mencerminkan dedikasi, integriti, dan usaha gigih seluruh penjawat awam di Negeri Sembilan.

9. Tahniah kepada semua! Inilah hasil muafakat dan integrasi gabungan muka lama dan baharu anggota pentadbiran kerajaan yang berdiri teguh

bersama Kerajaan Negeri. Maka, melalui rencana Kerajaan Perpaduan yang ada, saya percaya amanah dan semangat kerja tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan terus utuh demi memacu sebuah pembaharuan yang bermakna khususnya di Negeri Sembilan.

10. Namun, saya ingin mengingatkan bahawa pencapaian ini bukanlah alasan untuk kita berasa selesa. Sebaliknya, ia adalah tanggungjawab untuk terus meningkatkan prestasi dan memastikan setiap sen yang dikutip digunakan dengan cekap, berhemah, dan memberi manfaat maksimum kepada rakyat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Kita telah sama-sama melangkah ke gerbang tahun baharu 2025. Saban tahun kita menyambut tahun baharu dengan melakukan muhasabah untuk menilai kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang ditempuh. Adalah menjadi harapan kerajaan agar penjawat awam di Negeri Sembilan untuk terus memperkasa ilmu pengetahuan dan penguasaan teknologi digital. Seiring dengan hasrat YB Dato' Setiausaha Kerajaan yang mahukan seluruh warga kerja Negeri Sembilan yang berdaya tahan dan kompeten selari dengan peredaran zaman. Dalam karya Hikayat Abdullah Munsyi ada menyebut:

“Adapun ilmu dan kepandaian itu menjadi tangga kepada pangkat kekayaan, dan kekayaan itu membawa kepada kebesaran, maka bahawasanya segala benda yang dijadikan Allah dalam dunia ini masing-masing adalah dengan harganya iaitu dapat dinilaikan oleh manusia: melainkan ilmu itulah sahaja yang tiada ternilai oleh manusia akan harganya.”

12. Menurut Laporan Masa Depan Pekerjaan Forum Dunia 2023, AI akan memberi impak besar terhadap hampir semua pekerjaan. Dapatan kajian menunjukkan lebih 75 peratus syarikat bersiap sedia untuk menggunakan teknologi AI dalam tempoh lima tahun akan datang. Justeru, penjawat awam Negeri Sembilan juga harus bersiap bersedia, tidak

ketinggalan dan menjadi penggerak ekonomi digital dalam negara ini. Waima secanggih atau sebaik mana pun sesuatu teknologi, pengurusan dan penggunaannya harus dilakukan secara beretika dan berhati-hati.

Hadirin sekalian,

13. Di kesempatan ini, suka juga ingin mengambil peluang untuk menarik perhatian semua pihak kepada beberapa perkara yang perlu diberi tumpuan bagi tahun 2025. Sektor pelancongan merupakan sumber ekonomi mampan dan lestari bagi Negeri Sembilan dan telah menunjukkan kehadiran pelancong yang membanggakan dengan peningkatan 30.2% iaitu sebanyak 15 juta orang

pada tahun 2023 ketimbang 11.5 juta orang pada tahun sebelumnya.

14. Melihat kepada peningkatan tersebut, Negeri Sembilan telah meletakkan sasaran 17 juta pengunjung pada tahun 2024. Insya-Allah, kita dalam rangka kerja dan bersedia untuk menganjurkan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 bersekali dengan Tahun Melawat Malaysia. Maka, pada hari ini saya ingin melantik semua penjawat di Negeri Sembilan untuk menjadi duta dan membantu mempromosikan negeri tercinta ini bagi menarik ahli keluarga, rakan taulan serta sahabat handai berkunjung ke negeri ini.

15. Anjakan dan reformasi perkhidmatan awam di negeri ini tidak akan berjaya jika tidak memperkasakan tatakelola dan antirasuah bermatlamat meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Persidangan Integriti dan Tatakelola Negeri boleh dirangka sebagai kesinambungan kerjasama dengan agensi kerajaan untuk menekankan komitmen mempromosi integriti serta tatakelola yang baik di negeri ini. Ini sebagai usaha berterusan Kerajaan Negeri cukup tegas serta tidak berkompromi dengan isu integriti dan tatakelola pegawai awam yang bersalah. Mereka yang bersalah boleh ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Penjawat awam yang saya kasihi sekalian,

16. Dalam era yang penuh cabaran, keprihatinan semua pihak amat dituntut dan perlu ditingkatkan. Kesinambungan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang perlu diadaptasi bersama-sama dengan membantu masyarakat meningkat ekonomi sedia ada. Demi kelangsungan kehidupan agar ekonomi negeri kembali segar dan mampan kombinasi kesefahaman dan usaha sama semua pihak amat didambakan.

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikajangi

Yang elok dipakai, yang buruk dibuang

Usah dibuang yang lama dek lamanya

Ambil yang baharu mana yang berguna

17. Menuju ke hadapan, saya ingin mengingatkan kembali agenda besar kita untuk tempoh 5 tahun akan datang. Sasaran yang diletakkan untuk mencapai hasil pendapatan negeri mencecah RM 1.0 billion. Selari dengan hasrat tersebut, seluruh penjawat awam perlu memastikan setiap rancangan yang disediakan sentiasa berada dalam garis masa gerak kerja yang ditetapkan. Perkhidmatan kita kepada rakyat juga perlu lebih cekap dan berkesan.

18. Pendekatan proaktif dan responsif semestinya akan memacu kepada keberkesanan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Setiap inisiatif yang kita tawarkan kepada rakyat, wajib disampaikan dalam semua platform media jabatan dan agensi. Tidak ada

lagi rugutan yang perlu kita dengar dari rakyat dibawah yang masih tidak tahu apa-apa informasi tentang usaha pihak kerajaan. Pastikan semua medium media jabatan dan agensi digerakkan. Begitu juga setiap informasi yang berkaitan dengan tanggungjawab rakyat kepada pihak kerajaan.

19. Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa menghargai sumbangan penjawat awam. Oleh itu, kenaikan gaji menerusi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan pengumuman Bantuan Khas Kewangan baru-baru ini adalah tanda penghargaan dan inisiatif ini diharap dapat menjadi motivasi dan dorongan kepada semua untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Namun, saya ingin mengingatkan bahawa insentif ini datang

dengan tanggungjawab yang lebih besar agar kita terus berusaha meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan. Saya meletakkan harapan agar penjawat awam Negeri Sembilan dapat melakukan perubahan seiring dengan insentif yang diberikan. Perlu bekerja lebih tekun dan bersedia melakukan reformasi pada diri serta sentiasa cakna terhadap keadaan sekeliling agar dapat disesuaikan mengikut keperluan semasa.

20. Saya mohon kepada YB Dato Setiausaha Kerajaan Negeri agar dapat mengkaji SOP lama yang telah diamalkan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan agar dapat ditambah baik bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Jabatan

yang berjaya menambah baik SOP yang memberi manfaat kepada rakyat perlu diberi penghargaan di atas komitmen yang ditunjukkan seiring usaha reformasi dalam perkhidmatan awam.

21. Para penjawat awam perlu sentiasa ingat, bahawa kekuatan perkhidmatan kita adalah rakyat. Rakyat yang sentiasa mendukung segala perancangan dan perkhidmatan di semua peringkat sehingga memungkinkan kita menikmati pelbagai pencapaian pada hari ini. Justeru, sebagai tanda penghargaan kita perlu memberikan khidmat yang berkualiti, efisien dan cekap. Setiap keputusan hendaklah dirancang sebaiknya dan mengambil kira pelbagai perkara agar tidak memberi kesan di masa akan datang. Kegagalan kita dalam merancang akan menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung

kerugian seperti sebelum ini. Kegagalan pada hari ini kesannya akan dirasai dan ditanggung oleh generasi akan datang serta menyebabkan kerugian kepada negeri dan rakyat.

22. Keputusan yang dibuat perlu dirancang lebih awal dan segera bagi memastikan kita menjadi antara negeri yang menjadi pilihan dan keutamaan kerana cekap, cepat dan tepat. Kelewatan dan sikap sambil lewa serta tidak mengambil tahu akan menyebabkan pembangunan negeri ini terbantut dan menyebabkan kerugian di masa hadapan. Jadikan permulaan 2025 ini dengan tekad dan azam untuk menjadi warga penjawat awam yang sentiasa bertanggungjawab dan meletakkan kerja yang dilaksanakan sebagai keutamaan dalam kehidupan seharian.

23. Memetik Hadis kedua belas daripada Hadis 40 Imam Nawawi Nabi Muhammad SAW bersabda :

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

Bermaksud: “Antara keindahan seorang muslim ialah dia meninggakan yang tidak bermanfaat bagi dirinya”.

Hadis ini mengingatkan kita etika yang penting untuk fokus pada perkara bermanfaat terutama kepada diri sendiri, organisasi dan negeri. Elakkan melakukan perkara yang tidak bermanfaat kepada diri seperti merokok, kepada organisasi seperti mengadu domba dan kepada negeri seperti menyebarkan berita palsu. Sebagai penjawat awam pula, utamakanlah kerja yang produktif dan mengelakkan perkara-perkara tidak penting agar mampu meningkatkan

keberkesanan serta menghindari pembaziran masa dalam pengurusan dan pentadbiran.

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Moga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci Bersih . Muafakat . Sejahtera. Saya berdoa semoga kita sentiasa diberkati dan dipermudah segala urusan. Marilah kita bersama-sama melangkah ke tahun baharu 2025 dengan lebih berani dan yakin tahun yang baharu ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahwatullah

Wabarakatuh